

Ciri-Ciri Akhlak Usahawan Muslim Berjaya dan Hubungannya dengan Cara Pengembangan Harta serta Matlamat Hidup Menurut Perspektif Al-Qur'an

The Conduct of Successful Muslim Entrepreneurs and its Relation with Wealth Accumulation Ways and Purpose of Life from the Quranic Perspective

SUHAILA NADZRI, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
SALMY EDAWATI YAACOB, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam senario semasa, walaupun majoriti penduduk Malaysia adalah beragama Islam, tetapi ramai usahawan Muslim tidak mempraktiskan akhlak Islam dalam urusan perniagaan mereka. Sedangkan sebagai umat Islam, mereka wajar mengikuti garis panduan akhlak yang telah disyariatkan oleh Allah SWT melalui al-Qur'an dan hadis. Justeru objektif artikel ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri orang yang berjaya menurut al-Qur'an dan menghubungkaitkannya dengan akhlak usahawan muslim. Di samping itu, pengkaji juga menerangkan konsep matlamat hidup dan cara berkembangnya harta menurut al-Qur'an. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Kaedah yang digunakan ialah analisis kandungan dan data dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengeluarkan tema dan kategori-kategori yang diperlukan. Dapatan kajian mendapati matlamat hidup orang-orang muslim menurut al-Qur'an adalah untuk mencapai keseimbangan iaitu kebahagian di dunia dan akhirat. Selari dengan itu, usahawan perlu mempunyai akhlak-akhlak orang yang berjaya seperti taat kepada Allah SWT dan Rasul, mengerjakan suruhan Allah seperti solat, menunaikan zakat, menjaga amanah dan janji, menjauhi riba, mendermakan sebahagian rezeki yang diperolehnya, tidak melakukan kezaliman, jihad melalui harta benda, tidak bakhil dan sentiasa bertaubat. Malah, sekiranya usahawan-usahawan ini ingin hasilnya berkembang mereka perlu mempunyai akhlak yang suka berzakat, bersedekah, menjauhi riba, menjaga solat dan rajin membaca Al-Qur'an. Selain itu, penulis mencadangkan perlu kajian dijalankan di masa depan untuk mengaitkan usahawan yang banyak berinfak/bersedekah dengan usahawan yang berjaya.

Kata kunci: Etika Muslim, usahawan Muslim, usahawan berjaya, perniagaan muslim, akhlak

ABSTRACT

In the current scenario, Muslim entrepreneurs in Malaysia do not practice Islamic conducts in their business, although the majority of Malaysian are Muslims. As Muslim, they are desirable to follow the code of conducts guided by Allah SWT through the Qur'an and Hadith. This article aims to explore the characteristics of successful people according to the Qur'an and to relate them to the conduct of Muslim entrepreneurs. In addition, this article describes the concept of purpose of life and wealth accumulation ways according to the Qur'an. This qualitative study uses content analysis methods and the data analyzed using thematic analysis to produce the relevant themes and categories. The findings show that the goal of Muslims in the Qur'an is to achieve a balance of wellbeing in the world and the hereafter. Conforming to that, entrepreneurs need to practice the conduct of successful people such as obedience to Allah SWT and the Prophet Muhammad SAW, obeying God's commands such as prayer, paying zakat, fulfilling the trust and promise, avoiding usury, giving charity, avoiding wrongdoings, contributing wealth on jihad cause, generous, and continuance repentance. Even more, if entrepreneurs wish to expand their businesses, they should show good conducts such as giving alms, avoiding usury, observing daily praying and reading the Qur'an. In addition, the authors recommend that future research be carried out by investigating the relationship of giving charity with a successful business venture.

Keywords: Muslim ethics, Muslim entrepreneurs, successful entrepreneurs, muslims business, code of conducts

PENGENALAN

Islam adalah agama rasmi di Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas dalam perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Penduduk Malaysia yang beragama Islam adalah sebanyak 64.3 peratus daripada keseluruhan penduduk yang

berjumlah 31.9 juta pada tahun 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017). Walau bagaimanapun melalui kajian-kajian yang lepas didapati terdapat ramai usahawan muslim di negara ini tidak mempraktiskan akhlak dan nilai-nilai Islam dalam urusan perniagaan mereka. Ini sesuatu yang amat mengecewakan dan tidak sewajarnya berlaku. Kajian Kalsom dan Mohd Ismail (2010) mendapati lebih daripada 75 peratus usahawan muslim di Malaysia

tidak mengikut garis panduan dan akhlak Islam dalam perniagaan mereka. Manakala Lim Jie Wei dan Novel Lyndon (2013) mendapati majoriti petani cina kurang berminat untuk berurusan dengan pemborong atau peniaga muslim disebabkan sikap usahawan muslim yang tidak menepati janji. Sebaliknya kajian Rohana Yusof (2012) pula menunjukkan dapatan yang berbeza yang mana daripada sudut pandangan usahawan pula, terdapat ramai usahawan mengakui sekiranya mereka mengamalkan akhlak dan nilai-nilai Islam seperti jujur, bersyukur dengan rezeki pemberian Allah, tidak mengamalkan riba, sabar, bersifat tidak kedekut dan membayar hutang tepat pada waktunya mereka akan memperolehi kejayaan dalam perniagaan mereka. Justeru, pengkaji mendapati dapatan kajian Rohana Yusof (2012) ini tidak konsisten dengan dapatan kajian Kalsom & Mohd Ismail (2010); dan Lim Jie Wei & Novel Lyndon (2013). Justeru penulis berpendapat perlu kajian dijalankan untuk mengkaji pengertian orang-orang yang berjaya menurut Al-Qur'an dan menghubungkaitkannya dengan akhlak usahawan-usahawan muslim. Malah kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh usahawan-usahawan muslim khususnya di Malaysia untuk sentiasa memprakteksikan akhlak orang-orang-orang yang berjaya sebagaimana yang Allah SWT telah dinyatakan dalam Al-Qur'an.

KAJIAN LITERATUR

1. Konsep keusahawanan Islam

Dari sudut Islam, keusahawanan merupakan aktiviti yang penting sejak sekian lama. Ia telah bermula sejak kehidupan manusia di atas muka bumi ini, dan terus berkembang pesat dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan kehidupan manusia itu sendiri. Habil iaitu anak kepada Nabi Adam telah mempelopori bidang pertanian manakala saudaranya, Qabil mengusahakan bidang penternakan. Kebanyakan nabi-nabi selepas itu turut menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sama ada dalam bidang penternakan, pertanian, pertukangan atau perniagaan. (Rosli Mahmood et al. 2008).

Selain itu, Sarimah Hanim & Abdul Rashid Mohd Ali (2010) merumuskan matlamat keusahawanan Islam adalah untuk memberi manfaat kepada umat Islam di samping mematuhi peraturan dan perintah Allah SWT. Konsep asas ini berlandaskan kepada tiga konsep asas iaitu pertama, mencari rezeki yang halal dengan usaha yang gigih demi diri, keluarga dan pembangunan ummah. Konsep kedua ialah penciptaankekayaan di dunia ini, di mana segala kekayaan di dunia ini milik mutlaknya adalah Allah, segala kekayaan yang Allah ciptakan itu cukup untuk setiap orang di dunia ini. Oleh itu manusia memainkan peranan untuk memikul amanah dengan menggunakan segala kekayaan yang ada di dunia ini dengan baik dan jujur dan mereka akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang telah

mereka lakukan. Konsep ketiga usahawan perlu menggunakan segala sumber bahan mentah dan kekayaan di bumi ini dengan efektif, cekap dan kreatif yang boleh menambah nilai kepada ekonomi dan komuniti dengan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru dalam pasaran, menyediakan peluang pekerjaan, berwakaf dan menunaikan zakat.

Kalsom Abdul Wahab dan Ahmad Rafiki (2014) pula, menyatakan konsep keusahawanan Islam ini dilihat sebagai gabungan ekonomi berorientasikan keuntungan yang menggalakkan kemakmuran dengan asas agama yang kukuh, etika, dan faktor-faktor sosial yang boleh diterima. Ini termasuklah kewajipan untuk terlibat dalam kerja-kerja yang menggalakkan perkembangan diri, menghormati diri dan keperluan diri, kepuasan, kreativiti, dan inisiatif.

Manakala Farahwahida Mohd Yusuf et.al (2015) pula merumuskan keusahawanan atau perniagaan dalam Islam ini meliputi hubungan manusia dengan Allah (Hablumminallah) dan hubungan manusia dengan manusia (hablumninannas). Konsep perniagaan dengan Allah, iaitu Allah memberi keimanan, ketakwaan dan amal soleh hamba-Nya dengan kebahagiaan hidup di dunia dan dan ganjaran di akhirat. Dalam hubungan sesama manusia perniagaan yang dilakukan mestilah mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Pematuhan ini dianggap ibadat yang di dunia akan menerima ganjaran kebendaan dan ganjaran pahala daripada Allah di akhirat pula. Penolakan konsep ini dianggap kufur oleh Islam sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an di bawah:

Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit (dari faedah-faedah dunia), lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang-orang lain) dari agama Allah; sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah kerjakan. (al-Qur'an, al-Tawbah 9:9)

Aktiviti keusahawanan amat digalakan dalam Islam sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Baqarah yang bermaksud:

Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang 'Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan berdoa, "talbih", dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebut-Nya sebagaimana ia telah memberikan pertunjuk hidayah kepada kamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalann ibadatnya. (al-Qur'an, al-Baqarah 2:198)

Melalui ayat di atas jelas menunjukkan kecenderungan mencari harta adalah untuk membina kehidupan yang baik dan sempurna untuk diri sendiri dan keluarga agar tidak bergantung kepada belas ihsan dan pemberian daripada orang lain. Malah keusahawanan itu dianggap sebagai satu ibadah dan jihad fisabilillah di mana seorang usahawan Islam harus sedar bahawa mereka bukan sekadar mencari keuntungan peribadi, tetapi juga memenuhi tuntutan

fardhu kifayah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Dalam erti kata lain seorang usahawan yang bersungguh-sungguh dalam usahanya menjalankan perniagaan yang halal dan mengikut segala peraturan muamalah dengan tujuan membangunkan ekonomi umat Islam adalah satu jihad di jalan Allah.

Malah menurut Nor Hafiza Othman (2012) ianya dapat mendekatkan diri kita kepada Allah S.W.T. Ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T dalam Al Quran yang bermaksud:

.....Padahal Allah S.W.T menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..... (Al-Qur'an, Al-Baqarah 2:275)

Selain itu Mohd Adib Abd Muin et al. (2014) berpendapat bahawa konsep keusahawanan Islam ini juga mestilah berasaskan praktis perniagaan Nabi Muhammad S.A.W yang mana baginda merupakan lambang kejayaan dan kecemerlangan usahawan Muslim. Rasulullah S.A.W mengamalkan empat sifat dalam urusan perniagaan baginda iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fathonah yang menjadikan baginda usahawan yang berjaya di zamannya. Malah, bidang keusahawanan ini menjadi sumber rezeki kepada orang lain dengan mewujudkan peluang pekerjaan, menawarkan produk yang halal dan dapat membangunkan ekonomi ummah. (Yahaya Ibrahim, 2014; Sarimah Hanim & Abdul Rashid Mohd Ali, 2010; Rosli Mahmod et al. 2008; dan Hoe Chee Hee et al. 2005).

2. Ciri-ciri Akhlak Usahawan Berjaya

Di dalam Al-Qur'an terdapat dua istilah yang dikemukakan oleh Allah SWT yang kebanyakannya dimaksudkan oleh ahli tafsir sebagai kejayaan. Istilah pertama disebut dengan perkataan *falah*, *aflaha*. Terdapat hampir 40 kali Allah menyebut perkataan yang berasal daripada kata kerja tersebut dalam pelbagai bentuk dan firman. Sementara istilah kedua pula, sebahagian daripada ahli-ahli tafsir mentafsirkan sebagai kejayaan ialah perkataan yang berasal daripada kata kerja *faza*, *fawzan*. Terdapat lebih kurang 29 kali perkataan tersebut dikemukakan oleh Allah dalam Al-Qur'an (Farahwahuda Mohd Yusof et. al 2015).

Sementara itu, melalui dapatan daripada kajian-kajian lepas terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kejayaan usahawan muslim di Malaysia. Faktor-faktor dalaman seperti ciri-ciri personaliti usahawan itu sendiri yang meliputi sifat menepati janji (R. N. Kayed, M.K Hassan, 2010; Wan Sabri 2003), jujur (A. Kalsom dan A. Mohd Ismail, 2010; Shuhairimi, 2013; A.H Fatimah-Salwah et al 2013), bercakap benar (Wan Sabri 2003), amanah (Wan Sabri 2003), berpengetahuan (Wan Sabri 2003), ikhlas, adil (Kalsom dan Mohd Ismail, 2010; Kalsom dan Ahmad Rafiki ,2014), motivasi dalaman (Syed Shah Alam et al, 2011), keyakinan kepada diri sendiri (Hasnah Ali et al. 2010), lokus kawalan dalaman yang tinggi (Norita Deraman et al, 2005) dan lain-lain. Manakala faktor-faktor luaran pula adalah

seperti sokongan keluarga (Anna Nikina et al 2015; Syed Shah Alam et al. 2011), sokongan jaringan pemasaran (Mario Franco et al. 2014), jaringan sosial (Suraidi Salleh, 2005), bantuan dan sokongan kerajaan (Muhammad Haris Riyaldi, 2012) dan lain-lain.

Menurut Fariza Md Sham et al (2017) dari perspektif Islam, personaliti merujuk kepada perkataan Arab 'Sahsiah' atau 'akhhlak' yang dimiliki oleh seseorang individu. Perkataan akhlak berasal daripada Bahasa Arab yang membawa maksud budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan. Akhlak ini terbahagi kepada dua akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Jika dikaitkan dengan usahawan, Allah S.W.T telah menerangkan di dalam Al Quran secara jelas berkaitan prinsip, akhlak dan amalan perniagaan dan ekonomi yang berkaitan dengan keusahawanan.

Mohd Zain Mubarak (2016) telah membincangkan perihal sifat dan akhlak usahawan ini dengan memberi fokus kepada dua elemen iaitu dorongan (motivasi) dan juga tanggungjawab (akhlek dan etika) yang berkaitan dengan sifat atau akhlak sebagai usahawan Muslim. Ini dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Sifat dan akhlak usahawan Muslim dalam al-Qur'an

Perkara	Aspek	Surah: Ayat
Dorongan dan Motivasi	Galakan Berniaga	Al-Baqarah 2:198
	Cari kurniaan-Nya	Al-Rum 30: 46; Al-Jumu'ah 62:10
	Berdikari	Al-Ra'd 13:11
	Berusaha	A-Nisa' 4:32, Al-Qasas 28:77
Tanggung-jawab dan Akhlak	Jauhi Riba	Al-Baqarah 2:275; Al-Baqarah 2:276; Al-'Imran 3:130; Al-Nisa' 4:161
	Sukatan dan Timbangan	Al-A'raf 7:85, Al-Isra' 17:34-35; Al-Mutaffifiin 83:1-3; Al-Shu'ara' 26:181-182; Al-Rahman 55:9; Al-An'am 6:152; Hud 11:84
	Amanah	Al-Mu'minun 23:8; Al-Isra' 17:34; Al-Ma'idah 5:1; Al-Nisa' 4:58; Al-Ma'arij 70:32; Al-Anfal 8:27
	Jauhi rasuah	Al-Baqarah 2:188
	Rezeki halal	Al-Baqarah 2:168
	Jujur	Al-Nisa' 4:29
	Tunai janji	Al-Nahl 16:91, Al-Isra' 17:34
	Syukur	Al-Baqarah 2:172; Al-Nahl 16:114
	Qana'ah	Al-Nisa' 4:32
	Tawakal	Al-Talaq 65:2-3
	Sabar	Al-Baqarah 2:155-156

Tidak lalai mengingati Allah	Al-Nur 24:37
Zakat dan Sedekah	Al-Baqarah 2:276; Al-Nur 24:37; Fatir 35:29; Al-Tawbah 9:103
Tidak Bersumpah	Al-Ma''idah 5:44; Al-'Imran 3:77

Sumber: Mohd Zain Mubarak, 2016

Jadual 1 di atas, menerangkan sifat dan akhlak yang perlu ada pada usahawan muslim yang diterangkan di dalam Al-Qur'an. Usahawan muslim perlulah mempraktiskan akhlak-akhlak ini dalam melakukan segala urusan-urusan berkaitan perniagaan mereka untuk menjadikan mereka usahawan yang berjaya di dunia dan seterusnya mencapai keredhoan Allah S.W.T.

Dapatkan Mohd Zain Mubarak (2016) ini selari Buerah Tunggak & Hussin Salamon (2011) yang menyatakan masyarakat melayu perlu ditanam dengan sikap keusahawanan yang efektif dan beretika yang akan melahirkan ciri-ciri keusahawanan yang selari dengan ajaran Islam seperti jujur dan benar, amanah, keadilan, menepati janji, ihsan, istiqamah, taufian, berilmu dan berkemahiran serta keazaman (iltizam yang tinggi).

Manakala, Siti Arni Basir, Bharudin Che pa, Raja Hisyamudin Raja Sulong (2009) menyatakan prinsip-prinsip kualiti yang ada pada usahawan muslim yang berjaya adalah seperti menghindari sikap tamak, memantapkan sikap berdikari, bekerjasama (organisasi) menu buhkan jaringan, jihad ekonomi dan orientasi keusahawanan.

Selain itu terdapat juga kajian-kajian lepas yang mengaitkan usahawan berjaya perlu mempunyai sifat-sifat (akhlak) siddiq (Mohd Zain Mubarak et al.2015; Mohd Adib Muin et al. 2014; P.R.M. Faizal et al. 2013; dan Wan Sabri, 2003), amanah (Mohd Zain Mubarak et al.2015; Mohd Adib Muin et al. 2014; dan P.R.M. Faizal et al. 2013; Shuhairimi Abdullah, 2013; A.H. Fatimah-Salwa et. al 2013a, 2013b; Kalsom & Mohd Ismail, 2010; dan Wan Sabri, 2003), tabligh dan fathonah (Mohd Zain Mubarak et al.2015; Mohd Adib Muin et al. 2014) sebagaimana yang ada dalam diri Rasulullah S.A.W.

METODOLOGI

Data-data berkaitan ciri-ciri akhlak usahawan muslim daripada perspektif Islam diperolehi melalui kajian keperpusakaan yang dijalankan oleh pengkaji melalui sumber jurnal, kertas-kertas persidangan, buku-buku rujukan dan laman portal rasmi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Selain itu kajian kualitatif melalui analisis kandungan terhadap 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz telah dijalankan untuk menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan orang-orang yang

berjaya menurut Al-Qur'an, matlamat hidup orang-orang muslim dan cara berkembangnya harta mereka. Data-data dianalisis melalui analisis tematik untuk ditemakan dan dikategorikan dalam membantu pengkaji membuaturaian dan perbincangan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Melalui analisis kandungan yang dilakukan terhadap kitab Tafsir Al-Qur'an Pimpinan Ar-Rahman terhadap pengertian Al-Qur'an (30) Juz, pengkaji telah mengeluarkan beberapa tema yang berkaitan dengan orang-orang yang berjaya menurut Al-Qur'an (Jadual 2), matlamat hidup orang-orang muslim (Jadual 3) dan cara untuk mengembangkan harta (Jadual 4) orang-orang muslim yang boleh dikaitkan dengan akhlak yang boleh dijadikan panduan oleh usahawan-usahawan muslim dalam menjalankan perniagaan mereka supaya perniagaan mereka bertambah maju dan berjaya.

Jadual 2 di bawah menunjukkan antara ciri-ciri orang-orang yang berjaya menurut Al-Quran, adalah orang yang berat timbangan amal (yakni kebaikannya), orang-orang yang taat kepada Allah dan Rasulnya dengan cara mematuhi suruhan Allah (yakni menjaga solat, membayar zakat, mendermakan harta/rezekinya, menjaga amanah dan janji) dan menjauhi larangannya (yakni tidak bakhil, tidak terlibat dengan riba, arak, judi, dan tidak melakukan kezaliman). Sebagai contoh Allah berfirman dalam surah al-Mu'minun (23) ayat 1 hingga 11 dan surah Al-Hajj (22) ayat 76 yang maksudnya seperti di bawah:

Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyu' dalam sembahyang. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menuaikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka mereka lah orang-orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya. (Al-Qur'an, Al-Mu'minun 23:1-11)

Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (dunia dan akhirat). (Al-Qur'an, Al-Hajj 22:76)

Di samping itu orang yang berjaya juga dikaitkan dengan orang-orang yang sentiasa bertakwa, bertaubat dan melakukan jihad melalui harta dan jiwa mereka demi agama dan ummah sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Tawbah (9) ayat 88 hingga 89 di bawah:

(Mereka tetap tinggal) tetapi Rasulullah dan orang-orang yang beriman besertanya, berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka; dan mereka itulah orang-orang

yang mendapat kebaikan, dan mereka itulah juga yang Berjaya. Allah telah menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; yang demikian itulah kemenangan yang besar. (Al-Qur'an, Al-Tawbah 9:88-89)

Kalau dilihat daripada ayat-ayat di atas jelas semuanya menjurus kepada saranan Allah SWT supaya manusia membersihkan jiwanya. Malah beruntunglah manusia termasuklah usahawan yang memiliki akhlak yang baik. Ini selari dengan pandangan Al-Ghazali (1988) yang menyatakan manusia yang memiliki akhlak yang baik adalah manusia yang bersih jiwanya. Selain itu dapatan ini juga selari dengan dapatan Mohd Zain Mubarak (2016) yang menjelaskan ciri-ciri akhlak usahawan berjaya itu mestilah memiliki akhlak berdikari, berusaha, menjauhi riba dan rasuah, mencari rezeki yang halal, jujur, menunaikan janji, syukur, tawakal, sabar, tidak lalai mengingati Allah, menunaikan zakat dan sedekah, dan lain-lain lagi.

Dapatan tema orang-orang yang berjaya menurut Al-Qur'an dalam Jadual 2 ini juga menunjukkan personaliti *al-mukminun* iaitu jenis personaliti yang terbaik. Menurut Fariza Md Sham et al (2017) orang yang mempunyai personaliti jenis ini akan menjadikan keimanan kepada Allah SWT sebagai tonggak utama akhlaknya. Ciri-ciri penting personaliti *al-mukmin* ialah sentiasa mengingati Allah melalui *khusyu'* dalam solat, takut kepada Allah terhadap perbuatan yang salah samada kecil atau besar dan sentiasa menyesali jika melanggar ajaran Islam, sentiasa berzikir, bertawakal kepada Allah di mana dia berusaha dalam kehidupan untuk mencapai sesuatu dan dalam masa yang sama dia menyerahkan sepenuhnya kepada Allah sama ada apa yang diusahakan berjaya ataupun tidak, membelanjakan rezeki mengikut kesesuaian dan bertingkah laku baik.

Jadual 2 Tema Orang-orang yang berjaya menurut Al-Qur'an

Orang Yang Berjaya	Surah
1. Berat timbangan amalnya (yang baik)	Al-A'raf 7:8-9, Al-Muminun 23:102-103
2. Yang menyeru kepada perkara yang baik dan melarang daripada segala yang buruk (keji)	Alu 'Imran 3:104
3. Orang-orang beriman yang mengerjakan suruhan Allah dan menjauhi larangannya (iaitu <i>khusyu'</i> dalam solat, menjauhi daripada perkataan dan perbuatan yang sia-sia, menunaikan zakat, menjaga kehormatan diri, menjaga amanah dan janji, memeliha solat.)	Al-Mu'minun 23:1-11, Al-Hajj 22:76
4. Taat kepada Allah dan Rasul (ingat)	Al-Nur 24:51-52, Al-Ahzab 33:71,

	Al-Jumu'ah 62:10
5. Tidak bakhil (kedekut)	Al-Hasyr 59:9, Al-Taghabun 64:16
6. Tidak makan atau mengambil riba dan bertakwa	A-li 'Imran 3:130
7. Beriman kepada perkara yang ghaib, mendirikan sembahyang, berzakat, mendermakan sebahagian daripada rezekinya, beriman kepada kitab Al-Qur'an dan kitab-kitab sebelumnya dan adanya hari akhirat	Al-Baqarah 2:3-5, Luqman 31:4-5
8. Bertakwa kepada Allah, bersabar, bersedia menghadap musuh dan berjuang di Jalan Allah.	Al-Baqarah 2:189, Alu 'Imran 3:200, A-Ma'idah 5:35 & 100
9. Menjauhi arak, judi, menelek nasib dan amalan menyembah bahala	Al-Ma'idah 5:90
10. Orang-orang yang tidak melakukan kezaliman	Al-An'am 6:135, Yusuf 12:23, Al-Qasas 28:37
11. Orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka	Al-Tawbah 9:88
12. Orang-orang yang bertaubat, beriman serta beramal salih (kebajikan), dan mengerjakan sembahyang, mensucikan diri/ jiwa dan berzikir.	Al-Qasas 28:67, Al-A'la 87:14-15, Al-Shams 91:9
13. Orang-orang yang mengikut taat/suruhan Rasulullah SAW dan mengikut petunjuk Al-Qur'an	Al-A'raf 7:157

Melalui Jadual 3 pula, pengkaji cuba menganalisa apakah matlamat hidup yang digariskan oleh Allah di dalam Al-Qur'an. Secara jelas terdapat banyak ayat-ayat di dalam Al-Qur'an yang menjurus kepada keseimbangan dunia dan akhirat. Selain itu terdapat juga ayat-ayat yang menyuruh orang-orang Muslim lebih mengutamakan kehidupan akhirat berbanding di dunia sebagaimana firman allah dalam surah Yunus (10) ayat 24 dan 25 di bawah:

Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanam-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang-bercampur-baur dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu, hingga apabila bumi lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bungaan yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya), datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari, lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikian Kami menjelaskan ayat-ayat kererangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan

mengambil iktibar daripadanya). (Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu). (Al-Qur'an, Yunus 10:24-25)

Walaubagaimanapun Allah tidak pernah memaksa dan memberi pilihan kepada manusia untuk memilih sama ada kesenangan di dunia yang sementara atau kesenangan di akhirat yang kekal abadi sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Isra' (17) ayat 18 hingga 19 di bawah:

Sesiapa yang mengkehendaki (kesenangan hidup) dunia, Kami akan segerakan kepadanya dalam dunia apa yang Kami kehendaki, bagi sesiapa yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan baginya neraka Jahanam (di akhirat kelak), untuk membakarnya dalam keadaan yang hina lagi tersingkir dari rahmat Allah. Dan sesiapa yang mengkehendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya. (Al-Qur'an, Al-Isra' 17:18-19)

Sebagai usahawan mereka perlulah berusaha untuk mencapai kejayaan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Sebagaimana menurut Mohd Zain Mubarak 2016; Sarimah Hanim Aman Shah & Abdul Rashid Mohd Ali 2011; dan Rosli Mahmood et al. 2011 yang menyarankan usahawan yang berjaya adalah usahawan yang mencapai al-falah iaitu mendapat keredhoan di dunia dan akhirat. Untuk mencapai kedua-dua ini usahawan mesti mempunyai akhlak-akhlak yang digariskan dalam Al-Quran antaranya seperti jujur, benar, amanah dan sebagainya.

Jadual 3 Tema Matlamat hidup orang-orang Muslim

Matlamat	Surah
1. Keseimbangan dunia dan akhirat	Al-Baqarah 2: 201, Al-Nisa' 4: 134, Al-A'Raf 7: 156, Al-Hajj 22: 76, Al-Qasas 28: 77, Al-Jumu'ah 62: 10
2. Mengutamakan kehidupan akhirat berbanding dunia	Yunus 10: 24-25, Al-Ra'd 13: 26, Al-Nahl 16: 30, Al-Hadid 57: 20, Al-A'La 87: 16-18
3. Allah memberi pilihan kepada manusia untuk memilih kesenangan dunia atau kesenangan akhirat	Al-Isra' 17: 18-19
4. Berlumba-lumba mengerjakan amal kebaikan untuk mendapatkan syurga.	Al-Hadid 57: 21

Seterusnya melalui Jadual 4 pula pengkaji telah mengeluarkan tema yang berkaitan cara untuk mengembangkan (bertambah) harta yang ada dinyatakan di dalam Al-Qur'an. Didapati terdapat beberapa ayat, contohnya dalam surah Al-Baqarah (2) ayat 276-277 dan Al-Rum (30) ayat 39 yang

menyatakan dengan jelas Allah SWT akan kembangkan harta orang-orang yang bersedekah, berzakat, dan selalu membaca Al-Qur'an, dan Allah akan menyusutkan harta orang-orang yang terlibat dengan riba.

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil riba, dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufturan, dan selalu melakukan dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduakacita). (Al-Qur'an, Al-Baqarah 2: 276-277)

Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukan itulah orang-orang yang beroleh pahala yang berganda-ganda. (Al-Qur'an, Al-Rum 30:39)

Malah sebagai orang-orang Islam terutamanya bagi usahawan-usahawan yang berjaya dan telah berkemampuan mereka diwajibkan oleh Allah S.W.T membayar zakat pendapatan dan zakat perniagaan sebagaimana ayat Al-Qur'an dalam Surah Al-Baqarah (2) ayat 103 di bawah:

Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan harta dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (Al-Qur'an, Al-Baqarah 2:1-3)

Melalui tema dalam Jadual 4 ini sangat jelas akan kepentingan bersedekah, derma dan membayar zakat sebagai strategi usahawan untuk mengembangkan harta mereka. Malah dari segi kewajipan zakat itu sendiri menurut Faezy Adnan et.al (2015) jumhur ulama bersepakat bahawa zakat diwajibkan ke atas perniagaan berdasarkan keadilan, jaminan sosial dan prinsip berkembangnya harta itu. Ini bermakna melalui zakat itu mampu mengembangkan harta usahawan. Namun menurut Mohamad Zaki Razaly et. al (2013) peratusan pembayaran zakat perniagaan di kalangan usahawan di negara ini masih jauh lagi untuk mencecah angka 100 peratus. Malah ini disokong lagi oleh dapan Ahmad Syakir Rurol Mukhan et. al (2018) yang mendapati kepatuhan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan di Selangor adalah pada tahap yang rendah iaitu hanya 58 peratus sahaja daripada 50 orang usahawan yang dikaji pernah membayar zakat. Justeru melalui peratusan ini didapati masih kurang kesedaran dalam kalangan usahawan perihal kepentingan membayar zakat ini sebagai salah satu kewajipan, di samping ianya dijanjikan Allah S.W.T dalam Al-Qur'an sebagai salah satu cara untuk

mengembangkan harta mereka. Ini sangat berkait dengan sikap usahawan itu sendiri (Abdul Halim et. al 2014; Ram et. al 2009; dan Kamil 2002). Apabila usahawan tidak mengikuti dan menghayati sikap atau akhlak usahawan sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 2 di atas maka ini memberi kesan kepada kurangnya kesedaran membayar zakat.

Jadual 4 Tema Berkembang harta (bertambah/tidak rugi) menurut Al-Qur'an

Cara Berkembang	Surah
1. Allah kembangkan harta orang yang bersedekah dan berzakat dan susutkan harta orang yang mengambil riba	Al-Baqarah 2: 276-277, Al-Rum 30:39
2. Selalu membaca Al-Qur'an, dirikan sembahyang serta mendermakan harta kurniaan Allah.	Al-Fatir 35:29-30

Apabila digabungkan Jadual 2, 3 dan 4 di atas pengkaji dapat rumuskan di sini bahawa Allah melalui Al-Qur'an dengan jelas menyatakan matlamat hidup orang-orang muslim adalah untuk mencapai keseimbangan dunia dan akhirat (ini termasuklah sebagai seorang usahawan). Justeru untuk berjaya mencapai keseimbangan tersebut orang-orang muslim khususnya usahawan perlulah mempraktiskan akhlak-akhlak yang baik dan menjauhi akhlak-akhlak yang buruk. Antara akhlak-akhlak yang baik yang perlu dipatuhi oleh usahawan-usahawan muslim adalah seperti sentiasa beriman dan taat kepada perintah Allah dan Rasul dengan cara menunaikan dan menjaga solat, membayar zakat, bersedekah atau mendermakan rezeki/harta mereka (tidak bakhil), memegang amanah dan janji, tidak mengambil riba, menjauhi arak dan judi, tidak melakukan kezaliman dan juga sentiasa bertakwa, bertaubat dan sanggup berjihad melalui harta benda dan jiwa mereka demi agama dan ummah. Selain itu jika usahawan-usahawan muslim ini, ingin harta mereka berkembang dan maju jaya (tidak rugi) mereka perlulah rajin bersedekah, berzakat, membaca Al-Qur'an, mendirikan solat dan mengelakkan diri daripada terlibat atau memakan riba dalam urusan perniagaan mereka. Namun akhlak-akhlak yang baik ini perlu dilakukan dengan istiqamah sebagaimana pandangan Al-Ghazali (2000) yang menyatakan bahawa sifat-sifat yang baik (mahmudah) contohnya pemurah, rendah diri, sabar, takwa, tawakal dan sebagainya perlu dilatih dalam jiwa individu menerusi kaedah riyadah (latihan) yang berterusan (istiqamah) yang akhirnya akan menjadi tabiat. Personaliti atau akhlak yang baik ini akan sedikit demi sedikit menghapuskan akhlak atau personaliti yang tidak baik (mazmumah) seperti marah, benci, dendam dan sebagainya dan akhirnya akan membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam kajian-kajian lepas ramai pengkaji hanya mengaitkan usahawan berjaya perlu mempunyai sifat-sifat (akhlak) tertentu sebagaimana yang digariskan oleh Allah melalui Al-Qur'an. Akhlak-akhlak ini boleh dijadikan panduan kepada usahawan-usahawan muslim dalam menjalankan urusan perniagaan mereka. Namun penulis mendapati kebanyakan kajian-kajian lepas hanya menerangkan akhlak-akhlak yang boleh dicontohi oleh usahawan sekiranya mereka ingin berjaya tetapi tidak menghubungkan atau mengaitkannya dengan cara-cara untuk mengembangkan harta serta matlamat atau tujuan hidup umat Islam di dunia ini. Bagi penulis adalah penting bukan sahaja usahawan itu perlu mempunyai dan mempraktiskan akhlak-akhlak yang digariskan oleh Al-Qur'an tetapi usahawan juga perlu mengetahui matlamat atau tujuan hidup mereka di dunia ini. Ini kerana tujuan hidup manusia bukanlah semata-mata untuk memperolehi keuntungan dunia semata tetapi peranan yang lebih besar adalah keuntungan untuk kehidupan meraka yang lebih hakiki iaitu akhirat kelak sebagaimana yang digariskan di dalam Al-Qur'an. Jelas melalui artikel ini, penulis dapati bergitu banyak ayat-ayat Al-Qur'an yang meneckankan keseimbangan dunia akhirat tetapi akhirat itu menjadi keutamaan yang perlu dikejar oleh orang-orang yang ingin berjaya, walaupun Allah SWT sentiasa memberikan pilihan kepada manusia untuk memilih antara keduannya.

Selain itu kajian ini juga melihat konsep cara berkembangnya harta yang dinyatakan dalam Al-Qur'an yang jelas menunjukkan kepentingan amalan berinfak, sedekah, berzakat, menjaga solat dan rajin membaca Al-Qur'an yang boleh mengembangkan harta dan sebaliknya amalan memakan riba pula akan menyusutkan harta. Justeru bagi penulis usahawan muslim yang benar-benar berjaya itu bukan hanya perlu mengamalkan akhlak orang-orang yang berjaya, tetapi mereka juga mesti tahu matlamat sebenar kehidupan mereka sebagai hamba Allah dan harta mereka berkembang-biak disebabkan mereka bukan hanya mengejar keuntungan dunia tetapi mereka juga banyak bersedekah, berinfak dan sebagainya yang dinyatakan sebelum ini.

Justeru pengkaji mengesorkan beberapa cadangan seperti di bawah:

- a. Dijalankan kajian kualitatif kaedah temubual yang menghubungkaitkan usahawan-usahawan yang banyak menyumbang kepada masyarakat melalui zakat, sedekah dan derma dengan usahawan yang berjaya dalam perniagaan;
- b. dijalankan kajian kualitatif kajian lapangan dan pemerhatian untuk mengetahui sejauhmana usahawan muslim mempraktiskan akhlak orang-orang berjaya menurut Al-Qur'an; dan

c. dijalankan kajian perbandingan dengan mengambil sampel usahawan yang berjaya dan usahawan yang gagal dengan akhlak usahawan berjaya menurut Al-Qu'ran atau mengaitkan dengan konsep berkembang-biaknya harta menurut Al-Qur'an sebagaimana yang diketengahkan oleh penulis dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Al-Quran. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz. Mushaf Malaysia Rasm Uthmani
- Ahmad Syakir Rurol Mukhan, Mohd Ali Mohd Noor, dan Hairunnizam Wahid. 2018. Jangkaan Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan dalam Kalangan Usahawan di Selangor: Cadangan Menggunakan Peranti Bizzakat. Bab 13. *Pengurusan Zakat Di Malaysia, Isu dan Cabaran Kontemporari*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 2008.
- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulum Al-Din*. Jil 1-4. Terj. Prof. TK. H.Ismail Yaakub MA-Sh. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd
- Anna Nikina, Lois M. Shelton & Severine LeLoarne. 2013. An Examination of how husband, as key stakeholders, impact the success of women entrepreneurs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Emerald, vol 22, No 1.ms 38-62
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. 2012. Faktor Kritisikal Kejayaan usahawan Dalam Perniagaan. *Jurnal of Social Science and Huminities*. Vol 7, no 1, 034-045, April special- 2012, ISSN18230884x e bangi, FSSK, UKM
- A.H. Fatimah-Salwa, A. Mohamad-Azhari, B.Joni-Tamkin.2013b. Success factors of Successful Microcredit Entrepreneurs; Empirical Evidence from Malaysia. *International journal of Business and Social science*. Vol. 4. No 5.may 2013. www.ijbssnet.com
- A. Kalsom, dan A. Mohd. Ismail. 2010. Compliance to Islamic marketing practices among businesses in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*. 1:3 (2010) 286-297.
- Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu.2011. Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan ke arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam Di Malaysia. *Jurnal teknologi*.55 (Sains Sosial). Mei 2011:121-144
- Buerah Tunggak & Hussin Salamon. 2011. Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*.29(2) (2011):123-147.
- Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu. 2013, Pengaruh Faktor-faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil. 20, ISSN: 1675-1930 @ Universiti Teknologi Malaysia April 2013
- Buerah Tunggak. 2007. *Budaya Niaga Usahawan Bumiputera dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan*. Tesis PHD, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Faezy Adnan, Siti Amirah A.R., Hairunizam Wahid dan Sanep Ahmad. 2015. Cadangan Mewujudkan Logo Kepatuhan Zakat Perniagaan: Kajian terhadap Usahawan Muslim di Selangor. *Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)* 2015.
- Farahwanida Mohd Yusof, Aminudin Hehsan, Mohd Nasir Ripan, Zulkiflee Haron, Nurul Huda Mansur. 2015. *KeusahawananMenurut Perspektif Al-Qur'an*. Penerbit UTM Press. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor
- Hasnah Ali, Norhafizah Abdul Razak dan Sanep Ahmad. 2010. Faktor yang Mempengaruhi kejayaan Usahawan Peruncitan Melayu: Satu kajian Kes. *Prosiding PERKEM V*, jilid 2 (2010) 141-151, ISSN: 2231-962X
- Hoe Chee Hee, Mohd Salleh Din, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, lily Julienti Abu Bakar, & Muhammad Nasri Md. Hussain. 2005. *Asas Keusahawanan*. Penerbit Thomson
- Kalsom Abdul Wahab dan Ahmad Rafiki. 2014. Measuring Small Firm Entrepreneur's Performance Based on Al-Falah. *World Applied Sciences Journal*. 29 (12): 1532-1539, 2014, ISSN 1818-4952, DOI:10.5829/idosi.wasj.2014.29.12.2058
- Lim Jie Wei, Novel Lyndon.2013. Jaringan Sosial pemasaran pertanian di kalangan Komuniti Cina di Kg Baru, Tras Raub, Pahang. *Journal of Society and Space* 9 (GEOGRAFIA Online Malaysian). 9 issue 4 (24-34) @ 2013, ISSN 2180-2491
- Mario Franco, Maria de Fatima Santos, Isabel Ramalho & Cristina Nunes .2014. An exploratory study of entrepreneurial marketing in SMEs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*. Emerald, Vol. 21 No 2, 2014, ms 265-283
- Mohammad Zaki R., Mohd Zainodin, M., Mohd Asyadi, R., Shahrinizam, M., dan Nurulfatinah, U. 2013. Isu Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Johor. Kajian di Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). *Prosiding*

- International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society.*
- Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar & Shuhairimi Abdullah. 2014. Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication.* Vol 3, 2014 (129-141), UNIMAP
- Mohd Zain Mubarak, Asraf Hj Ab. Rahman & Mohd Rafi Yaacob. 2015. Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian terhadap Usahawan Berjaya di Negeri Kelantan. *Jurnal of Business and Social Development.* Volume 3(1) 2015: 43-53. ISSN: 2289-2915. Penerbit UMT
- Mohd Zain Mubarak. 2016. *Keusahawanan Islam, Rasulullah S.A.W dan Sahabat Sebagai Ikon Usahawan Berjaya.* Penerbit UMK: Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Haris Riyaldi. 2012. Faktor-faktor yang mempengaruhi Kejayaan Usahawan Asnaf Baitul Mal Aceh: Satu Analisis. Prosiding International Graduate Workshop (INGRAW) 2012 ke-7. 30-31 October 2012. Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Universiti Sains Malaysia.
- Norita Deraman, Nizamuddin Zainuddin & Oemar Hamdan. 2005. Kajian Tentang Ciri-Ciri Personaliti Keusahawanan di Kalangan Usahawan Bumiputera (Melayu) Malaysia. *Jurnal Manajemen & Bisness Sriwijaya* Vol 3 No 6 Disember 2005
- Nor Hafiza Othman. 2012. Nilai dan Etika Perniagaan Islam bagi Membentuk Usahawan Berjaya. *International Conference on Islamic Leadership-2 (iCil-2).* 2012.
- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. <http://www.dosm.gov.my>
- P.R.M. Faizal, A.A.M. Ridwan, & A.W. Kalsom. 2013. The Entrepreneurs Charateristic from Al-Quran and Al-Hadis. *International Journal of Trade, Economics and Finance.* Vol. 4. August 2013
- Ram Al-Jaffri, Kamil M.I. dan Zainol, B. 2009. Peratusan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Perniaga dan Kesannya terhadap Gelagat pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah.* Jil 17. Bil 3. Hlmn: 607-630.
- R. Mohamad Zulkifli & M. Mohd Rosli. 2013. Entrepreneurial Orientation and business Success of Malay Entrepreneurs: Religiosity as Moderator. *International Journal of Humanities and Social Science.* Vol. 3, No. 10 (special issue-may 2013)
- Rohana Yusof. 2012. A Model of the Process of Women's Entry into Business Ownership: A Study among Malay Businesswomen in Malaysia. *Journal of Governance and Development (JGD).* 13 Vol.8, 2012 (13-26)
- Rosli Mahmood, Lily Julienti, Mohamad Yusop Mohd Jani, Muhammad Shukri Bakar, Norita Deraman, Norria Zakaria, Syahrina Abdullah, Rosli Mohd Saad & Azrain Nasyrah Mustapa. 2008. *Prinsip-prinsip Asas Keusahawanan.* Penerbit Cengage Learning: Asia Pte Ltd.
- Rosli Mahmood, Azrain Nasyrah Mustapa, Rosli Mohd Saad, Mohamad Yusof Mohd jani, Norria Zakaria, Syahrina Abdullah, Ahmad Khairi Yahya, Hoe Chee Hee, Shamsul Huda Ab. Rani, Muhammad Shukri Bakar, Shiza Sa'atar, Lily Julienti Abu Bakar & Habshah Bakar. 2010. *Prinsip-prinsip Keusahawanan, Pendekatan Gunaan.* Edisi Kedua. Penerbit Cengage Learning
- R. N. Kayed, M.K Hassan. 2010. Islamic Entrepreneur: A case study of Saudi Arabia. *Journal of Development entrepreneurship.* 15:4 (2010) 379-413
- Sarimah Hanim Aman Shah dan Abdul Rashid Mohd ALI. 2010. *Entrepreneurship.* Second Edition, Penerbit Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Sarimah Hanim Aman Shah dan Cecilia Soon Teik Lan. 2013. *Entrepreneurship.* Third Edition, Penerbit Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Sarimah Hanim Aman Shah, Sharida Zaina Shafie, & Cecilia Soon Teik Lan. 2016. *Entrepreneurship.* 4rd Edition. Penrbit Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa & Raja Hisyamudin Raja Sulong. 2009. Prinsip-prinsipl kualiti kearah melahirkan usahwan muslim yang berjaya. *Jurnal Syariah.* JIL 17, BIL 2 (2009) 327-352
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz, Mushaf Malaysia Rasm Uthmani. Diterbitkan oleh Darul Fikir dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Shuhairimi Abdullah. 2013. The characteristic of successful Entrepreneurs from Islamic Perspective. *Journal of Islamic Human Advanced Research.* 3 (6.6.2013). 322-345
- Shuhymee Ahmad. 2013. Orientasi Keusahawanan dan Prestasi Perniagaan: Pengaruh Penyederhana Gaya Kepimpinan Transformasi. *Jurnal Pengurusan* 37(2013) 115 – 123
- Shuhymee Ahmad. 2014. Pengaruh Gaya Kepimpinan Transformasi dan Transaksi ke atas Prestasi Perniagaan Kecil dan Sederhana di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Small & Medium Enterprise (IJESME).* Vol 1 No 1, Dec 2014. 159-184.
- Suraidi Salleh. 2005. *Hubungan antara Keinginan Pencapaian, Lokus Kawalan, Pengambilan Risiko, dan Jaringan Sosial dengan Kejayaan Keusahawanan Amanah Ikhtiar Malaysia di*

- Kelantan. Tesis Sarjana Sains, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Syed Shah Alam, Mohd Fauzi Mohd Jani & Nor Asiah Omar. 2011. An Empirical study of success factors of women entrepreneurs in southern region in Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*. Vol 3, No 2, May 2011
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an (30 Juz). Diterbitkan oleh Darul Fikir.
- Dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Wan Sabri Wan Hussin. 2003. Ciri-ciri Usahawan Berjaya Dari Perseptif Al-Quran. *Jurnal Usuludin*. Bil 18 (2003) 81-110
- Yahaya Ibrahim. 2014. *Keusahawanan dan Daya Saing Dalam Sektor Pelancongan Pulau*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 2014
- Yusof Al-Qaradhowi. 2000. *Fiqh al Zakat*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

Suhaila Nadzri
suhaila.nadzri@kuis.edu.my
Jabatan Ekonomi dan Pengurusan,
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
MALAYSIA.

Salmy Edawati Yaacob,
salmy1001@ukm.edu.my
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2019) 4(1)

KANDUNGAN / CONTENTS

The Latest Amendments in the Foreign Investment Law in Saudi Arabia Sarah Alshahrani	1-7
Ciri-Ciri Akhlak Usahawan Muslim Berjaya dan Hubungannya Dengan Cara Berkembangnya Harta serta Matlamat Hidup Menurut Perspektif Al-Qur'an <i>The Conduct of Successful Muslim Entrepreneurs and its Relation with Wealth Accumulation Ways and Purpose of Life from the Quranic Perspective</i> Suhaila Nadzri, Salmy Edawati Yaacob	8-17
Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia <i>Child Neglect and Legal Protection According to Shariah and Law in Malaysia</i> Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof, Zuliza Mohd Kusrin	18-28
Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāsah Shar'iyyah <i>Bitcoin: An Analyst on Virtual Currency from Siyasah Shar'iyyah Perspective</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh	29-40

Journal of Contemporary Islamic Law
(2019) Vol. 4(1)

Editor-In-Chief
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Centre for Contemporary Fiqh and Sharia
Compliance,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2019), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 4(1), pages, <http://www.ukm.my/jeil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.